

05/09/1997

Dedahkan penyebar fitnah: Zahid

PERGERAKAN Pemuda Umno mahu nama penyebar fitnah sama ada dalam kerajaan atau parti didedahkan dan tindakan tegas diambil terhadap mereka bagi memastikan perbuatan yang memberi kesan buruk kepada kestabilan ekonomi dan politik negara itu tidak menjadi budaya di negara ini.

Dengan menamakan golongan itu sebagai penyebar fitnah profesional, ketua pergerakan itu, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata mereka harus dianggap sebagai pengkhianat bangsa kerana sanggup menjatuhkan imej pemimpin parti bagi keuntungan sendiri.

"Ya tindakan keras boleh diambil," katanya kepada pemberita selepas perasmian Perhimpunan Agung Pemuda dan Wanita Umno, semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 24 Ogos lalu mengesahkan penyebaran surat layang yang menfitnah Datuk Seri Anwar Ibrahim terbabit dalam skandal seks. Beliau menyifatkan surat layang itu didalangi oleh golongan yang mahu menjatuhkan Anwar, yang dianggap bakal pengantinya.

Kelmarin, Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor, berkata sisatan polis menunjukkan kandungan surat layang itu tidak berasas, malah dua penulisnya yang sudah ditahan polis, mengaku ia adalah palsu. Polis sudah menahan penulis itu, seorang lelaki dan seorang wanita, seorang bekas inspektor polis dan seorang rakan lelaki bekas pegawai polis itu.

Naib Ketua Pemuda, Datuk Hishamuddin Tun Hussein, berkata langkah paling berkesan menangani gejala fitnah dalam parti mahupun kerajaan ialah menghayati perjuangan asal Umno yang penuh dengan nilai ketahanan dalaman.

Menurutnya, Pemuda Umno perlu disuntik dengan semangat berlandaskan nilai perjuangan Umno lama walaupun kita sedang menghadapi cabaran alaf baru.

"Oleh itu, fitnah dan surat layang perlu ditangani supaya tidak menular dalam parti sehingga merosakkannya.

"Fitnah dan surat layang tidak harus diberi tempat dalam politik Pemuda Umno," katanya sambil memberitahu gejala itu mungkin sukar dibendung.

Ketua Penerangan Pemuda Umno, Datuk Abdul Fatah Iskandar, berkata fitnah tidak wajar disebar ketika kepemimpinan negara memberi tumpuan kepada permasalahan ekonomi khususnya nilai ringgit dan kejatuhan harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

"Kita sedang berhadapan krisis dari luar. Kenapa kita sebagai rakyat Malaysia turut terpengaruh? Mengapa ada di kalangan kita yang berperangai seperti George Soros? Apakah kita juga seperti Yahudi?"

"Kalau kita boleh hentam Soros habis-habisan, kita harus mengenakan tindakan lebih keras terhadap warga negara yang berperangai seperti penyangak Yahudi itu," katanya.

(END)